

COSAMINE PLUS FORTE M POWDER

Glucosamine Hydrochloride / Chondroitin Sulphate Sodium / Methylsulfonylmethane (472mg / 484mg / 300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cosamine Plus Forte M Powder
2. Bagaimana Cosamine Plus Forte M Powder berfungsi
3. Sebelum menggunakan Cosamine Plus Forte M Powder
4. Cara menggunakan Cosamine Plus Forte M Powder
5. Semasa menggunakan Cosamine Plus Forte M Powder
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cosamine Plus Forte M Powder
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemasan kini

Apakah kegunaan Cosamine Plus Forte M Powder

Cosamine Plus Forte M digunakan sebagai terapi tambahan bagi osteoarthritis (penyakit sendi).

Bagaimana Cosamine Plus Forte M Powder berfungsi

Ubat ini mengandungi glucosamine hydrochloride, chondroitin sulphate sodium, dan methylsulfonylmethane. Glucosamine hydrochloride membantu menjaga kesihatan sendi dengan mengekalkan struktur dan fungsi tulang rawan serta bertindak sebagai pelapik antara tulang anda. Ia juga membantu menghasilkan dan mengentalkan cecair di sekitar sendi yang menjadikan pergerakan sendi anda lebih lancar.

Chondroitin sulphate sodium boleh membantu memperlambatkan proses kerosakan tisu rawan dan membantu mengekalkan kelenturan tulang rawan.

Methylsulfonylmethane membantu mengurangkan rasa sakit dengan memperlambatkan isyarat saraf yang menghantar signal kesakitan.

Sebelum menggunakan Cosamine Plus Forte M Powder

• Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna ubat ini jika:

- Anda mempunyai alahan terhadap glucosamine hydrochloride, chondroitin sulphate sodium, methylsulfonylmethane atau mana-

mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Anda mempunyai alahan terhadap makanan laut atau produk yang berasal daripada makanan laut. Produk ini diperbuat daripada sumber laut.

• Sebelum menggunakannya

Jumpa doktor terlebih dahulu untuk pastikan sakit sendi anda bukan disebabkan oleh keadaan lain yang memerlukan rawatan berbeza.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai:

- Kencing manis
- sebarang gangguan pembekuan darah (contohnya hemofilia)
- Memiliki masalah buah pinggang atau hati yang teruk

Kesan glucosamine hanya dapat dilihat selepas 1 minggu. Anda mungkin perlu mengambil ubat tahan sakit jika mengalami kesakitan yang teruk dalam beberapa hari pertama rawatan dengan ubat ini. Sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Elakkan mengambil ubat ini semasa tiga bulan pertama kehamilan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil:

- Ubat cair darah seperti warfarin
- Ubat kencing manis seperti acarbose, acetohexamide, chlorpropamide, glipizide, glyburide, metformin, miglitol,

pioglitazone, repaglinide, rosiglitazone, glimepiride, tolbutamide, troglitazone

- Ubat merawat kanser seperti doxorubicin, etoposide, teniposide

Cara menggunakan Cosamine Plus Forte M Powder

- Berapa banyak harus digunakan

Ubat ini tidak disarankan digunakan pada kanak-kanak.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Larutkan satu paket ubat dalam segelas air.
- Ambil ubat ini 15 – 30 minit sebelum makan.
- Jangan ambil serbuk yang belum dilarutkan.

Dewasa:

- Untuk gejala sakit sendi ringan hingga sederhana: Ambil 1 paket 2 kali sehari.
- Untuk gejala sakit sendi yang teruk: Ambil 1 paket 3 kali sehari.
- Terapi pengekalan: Ambil 1 paket 2 kali sehari.

• Bila perlu digunakan

Ambil 2 ke 3 kali atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

• Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Dewasa:

- Untuk gejala ringan hingga sederhana: Ambil sekurang-kurangnya selama 6 minggu.
- Untuk gejala yang teruk: Ambil sekurang-kurangnya selama 8 hingga 12 minggu.
- Terapi pengekalan: Ambil selama 3 – 4 bulan. Rawatan boleh diulang setiap 6 bulan atau lebih awal, mengikut nasihat doktor anda.

COSAMINE PLUS FORTE M POWDER

Glucosamine Hydrochloride / Chondroitin Sulphate Sodium / Methylsulfonylmethane (472mg / 484mg / 300mg)

• Jika anda terlupa menggunakan
Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

• Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Cosamine Plus Forte M Powder

• Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Cosamine Plus Forte M Powder.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

• Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Cosamine Plus Forte M Powder kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

• Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mempunyai masalah kencing manis, doktor anda mungkin perlu memantau gula darah anda dan mengubah dos ubat diabetes anda, jika perlu.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Cosamine Plus Forte M Powder boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

Kesan sampingan biasa:

- Loya
- Tidak selesa di perut atau masalah penghadaman
- Cirit-birit
- Sembelit
- Pedih ulu hati

Kesan sampingan lain (jarang berlaku atau dilaporkan dalam kes terencil):

- Bengkak pada kaki atau buku lali (air berlebihan dalam badan)
- Denyutan jantung laju
- Mengantuk
- Sakit kepala
- Sukar tidur
- Muntah
- Hilang selera makan
- Sakit di bahagian atas perut
- Kemerahan, kulit gatal

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Cosamine Plus Forte M Powder

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30 °C.

Simpan di tempat yang kering.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk putih berwarna krim (selepas dilarutkan, bertukar menjadi larutan tidak berwarna dengan perisa limau)

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Glucosamine hydrochloride
Chondroitin sulphate sodium
Methylsulfonylmethane

- Bahan tidak aktif

Malic acid
Sodium citrate anhydrous
Sucralose
Mannitol
Lemon lime flavour

- Nombor MAL

MAL13125058X

Pengilang

Hovid Berhad
Lot 56442, 7 ½ Miles,
Jalan Ipoh/Chemor,
31200 Chemor,
Perak, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Berhad
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh,
Perak, Malaysia

Tarikh kemas kini

01/08/2025

Nombor siri

NPRA(R4/1)230625/00046